

Rujukan Kami : UMP.02.01/10.12/2 Jilid 09 (36)
Tarikh : 25 Februari 2022

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN

YH. Dato'/ Datin / Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan,

EDARAN PEKELILING PENTADBIRAN UMP BIL. 2 TAHUN 2022 MENGENAI PENGOPERASIAN PENGURUSAN KEMASUKAN STAF SECARA FIZIKAL KE KAMPUS BAGI STAF YANG TIDAK LENGKAP VAKSINASI COVID-19

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Bersama-sama ini dilampirkan Pekeliling Pentadbiran UMP Bil. 2 Tahun 2022 mengenai Pengoperasian Pengurusan Kemasukan Staf Secara Fizikal Ke Kampus Bagi Staf Yang Tidak Lengkap Vaksinasi Covid-19 untuk makluman YH. Dato'/ Datin / Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan.

3. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini sila hubungi Puan Nor Fadzillah Binti Zulkipli (Eksekutif, Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendaftar) di talian 09 – 431 6348 atau melalui emel fadzillahz@ump.edu.my

Kerjasama pihak YH. Dato'/ Datin / Profesor/ Profesor Madya/ Dr./ Tuan/ Puan di dalam perkara sangatlah dihargai.

Sekian, terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“Teknologi Untuk Masyarakat”

Saya yang menjalankan amanah,



(SAIFUL BAHRI BIN AHMAD BAKARIM)

Pengurus Kanan

Jabatan Pendaftar

Universiti Malaysia Pahang

SENARAI EDARAN

Pengurusan Tertinggi

1. **YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Bin Zainuddin**
Menjalankan Fungsi
Naib Canselor / Ketua Pegawai Eksekutif
2. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Mohd Rosli Bin Hainin**
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
3. **YBhg. Profesor Ts. Dr. Kamal Zuhairi Bin Zamli**
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
4. **YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Yuserrie Bin Zainuddin**
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
5. **Encik Hazmin Bin Aris**
Pendaftar / Ketua Pegawai Operasi
6. **Encik Zainudin Bin Othman**
Bendahari / Ketua Pegawai Kewangan
7. **Encik Azman Bin Abdul Rahim**
Ketua Pustakawan

Penolong Naib Canselor / Dekan Kanan / Dekan / Pengarah / Ketua Jabatan/ Bahagian/ Unit

8. **Profesor Madya Ir. Dr. Nurul Hazlina Binti Noordin**
Penolong Naib Canselor
Jabatan Pembangunan Graduan
9. **Profesor Dr. Abdullah Bin Ibrahim**
Dekan Kanan
Kolej Teknologi Kejuruteraan
10. **Profesor Ts. Dr. Ruzaini Bin Abdullah Arshah**
Dekan Kanan
Kolej Komputeran & Sains Gunaan
11. **Profesor Madya Dr. Hasan Bin Ahmad**
Dekan Kanan
Kolej Pengurusan & Kemanusiaan
12. **Profesor Madya Ir. Dr. Haji Nik Mohd Zuki Bin Nik Mohamed**
Dekan
Kolej Kejuruteraan

- 13. Profesor Madya Dr. Hamdan Bin Daniyal**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Elektrik & Elektronik (FTKEE)
- 14. Profesor Dr. Mahadzir Bin Ishak @ Muhammad**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Mekanikal & Automotif (FTKMA)
- 15. Profesor Madya Ir. Ts. Dr. Faiz Bin Mohd Turan**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Pembuatan & Mekatronik (FTKPM)
- 16. Ir. Dr. Fadzil Bin Mat Yahaya**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Awam (FTKA)
- 17. Profesor Ts. Dr. Che Ku Mohammad Faizal Bin Che Ku Yahya**
Dekan
Fakulti Teknologi Kejuruteraan Kimia & Proses (FTKKP)
- 18. Profesor Madya Ts. Dr. Adzhar Bin Kamaludin**
Dekan
Fakulti Komputeran (FK)
- 19. Ts. Dr. Saifful Kamaluddin Bin Muzakir @ Lokman**
Dekan
Fakulti Sains & Teknologi Industri (FSTI)
- 20. Profesor Dr. Mohd Zuki Bin Salleh**
Dekan
Pusat Sains Matematik (PSM)
- 21. Dr. Mohd Hanafiah Bin Ahmad**
Dekan
Fakulti Pengurusan Industri (FIM)
- 22. Dr. Mohamad Hilmi Bin Mat Said**
Dekan
Pusat Sains Kemanusiaan (PSK)
- 23. Profesor Madya Dr. Nik Aloesnita Binti Nik Mohd Alwi**
Dekan
Pusat Bahasa Moden (PBM)
- 24. Profesor Madya Dr. Roslinazairimah Binti Zakaria**
Dekan
Pusat Diploma dan Asasi (PDA)
- 25. YBhg. Profesor Datin Ts. Dr. Mimi Sakinah Binti Abdul Munaim**
Dekan
Institut Pengajian Siswazah (IPS)

- 26. Profesor Dr. Mohd Hasbi Bin Ab Rahim**
Dekan
Penyelidikan
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
- 27. Profesor Madya Dr. Ahmad Tarmizi Bin Haron**
Dekan
Pengkomersialan
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
- 28. Profesor Madya Dr. Abdul Adam Bin Abdullah**
Dekan
Inovasi Industri
Jabatan Penyelidikan & Inovasi
- 29. Dr. Ahmad Johari Bin Mohamad**
Dekan
Pembangunan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- 30. Profesor Madya Dr. Mansor Bin Sulaiman**
Dekan
Perkhidmatan Pelajar
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- 31. Puan Marlina Binti Mamat**
Menjalankan Tugas
Ketua Jabatan Perundangan
- 32. Profesor Dr. Chong Kwok Feng**
Pengarah/Ketua Pegawai Strategi,
Pusat Hal Ehwal Korporat & Kualiti (PHKK)
- 33. Profesor Madya Dr. Mohamad Idris Bin Ali**
Pengarah/Ketua Pegawai Pengurusan Fasiliti,
Pusat Pembangunan & Pengurusan Harta (PPPH)
- 34. Profesor Madya Dr. Mohamed Ariff Bin Ameen**
Pengarah/Ketua Pegawai Maklumat,
Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi (PTMK)
- 35. Dr. Khairul Salleh Bin Abdul Basit**
Pengarah
Pusat Kesihatan Universiti (PKU)
- 36. Profesor Ts. Dr. Kamal Bin Yusoh**
Pengarah
Pusat Inovasi & Daya Saing Akademik (PIDA)

- 37. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Shahrir Bin Mohd Sani**
Pengarah
Pusat Pengurusan Akademik (PPA)
- 38. Profesor Madya Ir. Dr. Chin Sim Yee**
Pengarah
Pusat Usahasama Strategik Akademik (PUSA)
- 39. Profesor Madya Ts. Dr. Awanis Binti Romli**
Pengarah
Pusat Sumber Pengajaran & e-Pembelajaran (PSPe)
- 40. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Ruzaimi Bin Mat Rejab**
Pengarah
Pusat Kerjasama Akademik Jerman
- 41. Encik Zainal Bin Bahari**
Pengarah
Pusat Pemasaran dan Kemasukan Akademik (PPKA)
- 42. Cik Yong Ying Mei**
Pengarah
Institut Confucius
- 43. Ir. Dr. Zamri Bin Mohamed**
Pengarah
Pusat Kejuruteraan Automotif (Pusat Automotif)
- 44. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Yusri Bin Mohd Yunus**
Pengarah
Pusat Kelestarian Ekosistem & Sumber Alam (Pusat Alam)
- 45. Sr. Dr. Ngahzaifa Binti Ab Ghani**
Pengarah
Pusat Pembangunan Perisian & Perkomputeran Bersepadu (Pusat Perisian)
- 46. Profesor Madya Ir. Dr. Mohd Fairusham Bin Ghazali**
Pengarah
Pusat Penyelidikan Bendalir & Proses Termaju (Pusat Bendalir)
- 47. Profesor Madya Dr. Saiful Nizam Bin Tajuddin**
Pengarah
Pusat Penyelidikan Bioaromatik (Pusat Bioaromatik)
- 48. Profesor Madya Dr. Hazrulrizawati Binti Abd Hamid**
Pengarah
Pusat Penyelidikan Biosains Tropika Termaju (Pusat Biotropik)
- 49. Ts. Syahrulnaim Bin Mohamad Nawi**
Pengarah
Pusat Reka Bentuk & Inovasi Teknologi (PRInT)

- 50. Profesor Ir. Ts. Dr. Kamarul Hawari Bin Ghazali**
Pengarah
Pusat Teknologi Sensor
- 51. Dr. Nasrul Hadi Bin Johari**
Pengarah
Pusat Teknologi Untuk Manusia
- 52. Dr. Noryanti Binti Muhammad**
Pengarah
Pusat Sains Data & Kecerdasan Buatan
- 53. Dr. Ismayuzri Bin Ishak**
Pengarah
Pusat Pembuatan Termaju
- 54. Ts. Dr. Raihana Zahirah binti Edros**
Pengarah
Pusat Penyelidikan Sintesis Teknologi Ubat Dan Farmasi Farmaseutikal
- 55. Dr. Izan Izwan Bin Misnon**
Pengarah
Pusat Kecerdasan Bahan Termaju
- 56. Profesor Madya Dr. Rashidi Bin Abbas**
Pengarah
Pusat Islam & Pembangunan Insan (PIMPIN)
- 57. YH. Profesor Dato' Ts. Dr. Rosli Bin Abu Bakar**
Pengarah
Pusat Sukan dan Kebudayaan
- 58. Profesor Madya Dr. Saiful Anwar Bin Che Ghani**
Pengarah
Pusat Jaringan Industri & Masyarakat (PJIM)
- 59. Dr. Mohd Nizar Bin Mhd Razali**
Pengarah
Pusat Keusahawanan
- 60. Profesor Madya Dr. Irene Ting Wei Kiong**
Pengarah
Pusat Penempatan & Pembangunan Kerjaya
- 61. Dr. Mohd Azmir Bin Mohd Azhari**
Pengarah
Pusat Hubungan Antarabangsa (PUHA)
- 62. Ir. Ts. Dr. Siti Zubaidah Binti Sulaiman**
Pengarah
Pusat Perhubungan Alumni dan Kebolehpasaran Graduan

- 63. Dr. Munira Binti Abdul Razak**
Pengarah
Unit Perkhidmatan Orang Kurang Upaya
- 64. Encik Muhammad Azli Bin Shukri**
Pengarah
Penerbit UMP
- 65. Ts. Muhammad Hairynizam Bin Muhd Taib**
Pengarah
Unit Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan
- 66. Encik Mohd Akram Bin Abdul Razak**
Ketua
Unit Audit Dalam
- 67. Encik Asri Bin Haji Zainudin**
Ketua
Unit Pengurusan Risiko
- 68. Dr. Noradilah Binti Md Nordin**
Pengarah
Unit Perundingan dan Bantuan Staf
- 69. Cik Noriza Binti Hassan**
Ketua
Unit Integriti dan Pematuhan
- 70. Encik Abd Rahman Bin Hj Safie**
Pengurus Kanan
Pejabat Naib Canselor
- 71. Puan Haryani Binti Abdullah**
Pengurus Kanan
Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni
- 72. Encik Abdul Shukur Bin Ishak**
Pengurus Kanan
Jabatan Pembangunan Graduan
- 73. Encik Zainuddin Bin Mat Husin**
Pengurus Kanan
Perpustakaan
- 74. Encik Saiful Bahri Bin Ahmad Bakarim**
Pengurus Kanan
Jabatan Pendaftar
- 75. Encik Rosilavi Bin Mat Jusoh**
Pengurus
Jabatan Penyelidikan & Inovasi

76. Encik Ahmad Fauzi Bin Ahmad Bakti

Ketua
Bahagian Keselamatan

Anak Syarikat UMP

77. Ir. Dr. Syed Mohamed Hamzah Al-Junid Bin Syed Abdul Rahman

Ketua Pegawai Eksekutif
UMP Holdings & Kumpulan

78. Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Rusllim Bin Mohamed

Ketua Pegawai Eksekutif
UMP Advanced Education



PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 2 TAHUN 2022

PROSEDUR KEMASUKAN SECARA FIZIKAL KE KAMPUS BAGI STAF YANG TIDAK LENGKAP VAKSINASI COVID-19

1. TUJUAN

Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan pihak pengurusan universiti berkenaan prosedur kemasukan secara fizikal ke kampus bagi staf yang tidak lengkap vaksinasi COVID-19 bermula pada **1 Mac 2022**.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Kenyataan media oleh Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bertarikh 10 Februari 2022 mengenai kemasukan pelajar ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT) termasuk Universiti Awam, Politeknik, Kolej Komuniti dan Institusi Pendidikan Tinggi Swasta mengumumkan bahawa kerajaan membenarkan kemasukan pelajar IPT secara berperingkat setelah mengambil kira pandangan dan syor daripada pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

2.2 Berdasarkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pelan Pemulihan Negara bagi Sektor Pendidikan Tinggi yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bertarikh 17 Februari 2022 telah menetapkan SOP kemasukan secara fizikal ke kampus bagi staf yang tidak lengkap vaksinasi adalah seperti berikut:

- i. Staf yang tidak lengkap vaksinasi dibenarkan memasuki kampus tetapi **perlu membuat ujian RT-PCR dan berkeputusan negatif tiga (3) hari sebelum masuk ke kampus.**
- ii. Ujian pengesanan COVID-19 menggunakan kaedah RTK-Ag perlu dilakukan secara berkala seminggu sekali bagi mereka yang tidak lengkap vaksinasi.

3. PELAKSANAAN

3.1. Sebelum memasuki ke kampus

- i. Sebelum memasuki ke kampus, staf **diwajibkan** membuat ujian pengesanan COVID-19 iaitu RT-PCR tiga (3) hari sebelum ke kampus.
- ii. Ujian pengesanan COVID-19 iaitu RT-PCR hendaklah dilaksanakan hanya di hospital/klinik kerajaan, **Kuantan Medical Centre (KMC) atau KPJ Pahang Specialist Hospital.** Selain daripada fasiliti kesihatan ini, ujian pengesanan COVID-19 dari fasiliti kesihatan lain adalah **tidak diterima.** Ianya bertujuan sebagai kawalan untuk pemantauan dan keabsahan rekod ujian pengesanan COVID-19.
- iii. **Kos bagi ujian pengesanan COVID-19 ini hendaklah ditanggung sendiri oleh staf** kecuali kepada staf yang mendapat pengecualian atas sebab kesihatan (*medically ineligible*) melalui tuntutan bayaran balik di mana:
 - a. Jika keputusan ujian negatif, staf boleh meneruskan aktiviti harian di kampus sebagaimana biasa.
 - b. Jika keputusan ujian positif, staf tidak dibenarkan memasuki kampus dan perlu menjalani tempoh kuarantin mengikut peraturan KKM yang berkuat kuasa dari masa ke semasa. Staf perlu memaklumkan kepada pihak Pusat Kesihatan Universiti (PKU) dan Jabatan Pendaftar untuk tindakan selanjutnya.

3.2. Semasa tiba di kampus

- i. Perlu merekod daftar masuk di pintu masuk utama keselamatan kampus menggunakan aplikasi MySejahtera/QR Code dan mengemukakan **keputusan ujian pengesanan COVID-19 RT-PCR bagi kemasukan pertama yang telah diperolehi** kepada Pengawal Keselamatan atau mana-mana pegawai yang dipertanggungjawabkan di pintu masuk utama kampus.
- ii. Hasil ujian pengesanan COVID-19 ini juga perlu dikemukakan kepada **Ketua Jabatan serta salinan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendaftar.**
- iii. Bagi kemasukan ke kampus pada minggu yang berikutnya, ujian pengesanan COVID-19 RTK-Ag hendaklah dilaksanakan secara berkala seminggu (7 hari) sekali. Hasil ujian pengesanan COVID-19 RTK-Ag hendaklah dikemukakan kepada Pengawal Keselamatan atau mana-mana pegawai yang dipertanggungjawabkan di pintu masuk utama kampus. Hasil ujian pengesanan COVID-19 ini juga perlu dikemukakan **kepada Ketua Jabatan serta salinan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendaftar.**

3.3. Tanggungjawab staf

- i. Bagi membendung penularan pandemik COVID-19, staf perlu mematuhi SOP dan peraturan yang telah ditetapkan serta merancang proses kemasukan ke kampus.
- ii. Penggunaan e-BDR atas sebab tidak lengkap vaksinasi adalah **tidak dibenarkan.**
- iii. Keengganan atau kegagalan staf melakukan ujian pengesanan COVID-19 untuk kemasukan ke kampus boleh dikenakan tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

- iv. Staf hendaklah melengkapkan borang Aku Janji Dan Indemniti Kemasukan Staf Secara Fizikal Ke Kampus Bagi Staf Yang Tidak Lengkap Vaksinasi Covid-19 seperti di **Lampiran A**.
- v. Staf juga adalah tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak KPT, KKM dan MKN dari semasa ke semasa.

3.4. Tanggungjawab Ketua Jabatan

- i. Hendaklah memantau dan memastikan staf berkenaan mematuhi SOP yang ditetapkan oleh UMP dan kerajaan.
- ii. Permohonan e-BDR atas sebab staf tidak lengkap vaksinasi adalah **tidak layak dipertimbangkan**.

4. KUATKUASA

4.1. Pekeliling pentadbiran ini adalah berkuat kuasa pada **1 Mac 2022**.

4.2 Penguatkuasaan pekeliiling ini membatalkan kenyataan pada mana-mana pekeliiling yang berkuat kuasa sebelum ini yang berbeza dengan pekeliiling semasa.

5. PEMATUHAN

5.1. Pekeliling ini wajib dipatuhi tanpa sebarang prejudis. Siasatan akan dijalankan kepada mana-mana pihak yang didapati gagal mematuhi pekeliiling ini dan tindakan bersesuaian mengikut peraturan universiti boleh dikenakan.

5.2. Pekeliling ini terpakai kepada warga UMP dan untuk edaran dalaman sahaja.

5.3. Sebarang perubahan kepada pekeliiling ini adalah tertakluk kepada keputusan yang akan dimaklumkan oleh pihak pengurusan universiti.

Sekian, terima kasih.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Teknologi Untuk Masyarakat"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAZMIN BIN ARIS)

Pendaftar/ Ketua Pegawai Operasi

Universiti Malaysia Pahang

Tarikh : 25 Februari 2022



AKU JANJI DAN INDEMNITI KEMASUKAN STAF SECARA FIZIKAL KE KAMPUS BAGI STAF YANG TIDAK LENGKAP VAKSINASI COVID-19

Nama : _____
 No. Kad Pengenalan : _____
 No. ID : _____
 Jabatan : _____

Dengan ini saya mengesahkan bahawa;

1. Saya akan membuat ujian saringan COVID-19 sepertimana yang dinyatakan di dalam edaran Prosedur Standard Operasi (SOP) surat edaran bertarikh 25 Februari 2022 bagi kemasukan ke kampus.
2. Saya akan mengemukakan keputusan ujian saringan COVID-19 seperti Prosedur Kemasukan Ke Kampus.
 (Dengan mengemukakan keputusan ujian daripada fasiliti kesihatan yang telah ditetapkan. Kegagalan berbuat demikian, saya akur tidak dibenarkan masuk ke kampus)
3. Aku janji ini adalah bersandarkan kepada undang-undang dan peraturan yang berkuatkuasa di Universiti dan saya faham sekiranya saya melanggar mana-mana peruntukan undang-undang atau peraturan berkaitan, tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) dikenakan kepada saya.
4. Saya juga bersetuju untuk menanggung rugi pihak Universiti daripada dan terhadap segala tindakan, prosiding, kehilangan, kerugian, ganti rugi, pampasan, kos (termasuk kos undang-undang), caj dan perbelanjaan akibat kehilangan atau kecederaan diri yang berpunca daripada tindakan, kecuaiian atau ketidakjujuran saya terhadap pihak Universiti sepanjang tempoh saya tidak divaksinasi COVID-19.

Tandatangan staf : _____
 Nama staf : _____
 Tarikh : _____

Nota : Sila kembalikan borang ini melalui emel kepada Bahagian Khidmat Pengurusan, Jabatan Pendaftar, bkp@ump.edu.my sebelum 1 Mac 2022